Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

10 APRIL, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN KE ATAS TAMAN ASUHAN YANG DITUBUHKAN TANPA KEBENARAN

KERAJAAN, menerusi Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang memberi perhatian yang serius kepada pertubuhan taman-taman asuhan yang berkembang dengan pesatnya di seluruh negara iaitu perhatian bagi mengawal keselamatan nyawa dan pertumbuhan mental kanak-kanak damit.

Kerajaan mendapati terdapat sebahagian dari taman-taman asuhan yang tidak mendapat kebenaran iaitu kerana bangunannya tidak menepati perkara-perkara seperti syarat tanah, keluasan bilik, kekukuhan bangunan, kesesuaian guru-guru, keselamatan dan seumpamanya. Kerana itu Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah mengingatkan ibu bapa supaya berhati-hati, jangan sampai menghantar kanak-kanak damit mereka ke taman-taman asuhan yang tidak sempurna dan tidak mendapat kebenaran Kerajaan. Hal ini menurutnya akan mendatangkan berbagai masalah dalam pertumbuhan mental kanak-kanak damit di samping bahaya-bahaya dari segi keselamatan nyawa.

Tidak syak lagi orang ramai telah mengetahui betapa taman-taman asuhan telah muncul di sana sini. Mungkin sekali-imbas orang berpendapat kemunculan itu kerana adanya keperluan yang semakin bertambah dari ibu bapa untuk menghantar kanak-kanak damit mereka bagi mendapat asuhan awal dan Kerajaan tidak berupaya memenuhi sepenuhnya keperluan tersebut. Tetapi kedudukan yang sebenarnya bukanlah semestinya demikian. Pertumbuhan taman asuhan yang Kerajaan memberi perhatian serius terhadapnya ialah manakala ia diadakan lebih banyak berunsurkan komersil daripada tujuan untuk memberikan asuhan yang menepati kehendak-kehendak dalam ilmu pendidikan. Kehendak ibu bapa yang ingin melihat anak-anak mereka diberikan asuhan yang sempurna memang bertambah terutama sekali dengan adanya kesedaran yang semakin meluas dan meningkat di kalangan rakyat akan kepentingan masa depan anak-anak mereka menerusi pencapaian pelajaran. Kehendak yang sedemikian itu memang wajar, tetapi ia perlu dipenuhi dengan cara yang wajar juga iaitu menurut sukat-sukat atau ukuran ilmu pendidikan.

Dalam hal ini Kementerian Pelajaran dan Kesihatan mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan dalam bidang pendidikan. Kerana itu pandangan serta arahan Kementerian berkenaan tentulah sepatutnya akan mendapat perhatian orang ramai khasnya ibu bapa. Jaminan Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan bahawa Kementeriannya tidak bermaksud untuk menghalang atau menekan inisiatif orang-orang yang menganjurkan taman-taman asuhan adalah jelas sebagai menyatakan sikap Kerajaan yagn sentiasa memberi perhatian kepada kepentingan pelajaran dan pendidikan. Usaha pihak-pihak berkenaan mengadakan taman asuhan yang menepati kepentingan itu tentu sahaja layak mendapat penghargaan selagi mereka menjalankan taman-taman asuhan secara sedar dan bertanggungjawab dan bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan material.

Kita percaya Kementerian Pelajaran dan Kesihatan akan seterusnya membimbing orang ramai khasnya ibu bapa untuk menyedari bahaya sikap ghairah menghantar anak-anak mereka ke taman-taman asuhan yang semata-mata untuk mendapatkan keuntungan material itu. Dan yang pentingnya orang ramai perlu mengetahui dengan jelas dalam masa yang segera tentang mana-mana taman asuhan yang tidak sempurna supaya mereka akan segera mengambil langkah memindahkan anak-anak mereka ke taman-taman asuhan yang lain dan yang sempurna di samping membuat pilihan, jika mungkin, memasukkan anak-anak mereka ke dalam aliran persekolahan dan asuhan Kerajaan. Hal ini kita percaya sedang diperhatikan oleh Kementerian berkenaan, dan seperti yang dibayangkan oleh Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan bahawa Kerajaan akan mengambil langkah ke atas taman-taman asuhan yang tidak sempurna atau termasuklah bagi menutupnya jika difikirkan perlu.

---

**BERIKUT ialah Perutusan daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Kesihatan Sedunia pada 7 April, 1985 dengan tema "Belia Sihat — Sumber Kita Yang Sangat Berguna."**

# BELIA — PELABURAN YANG BERHARGA UNTUK MASA DEPAN NEGARA



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

PADA masa ini adalah dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 1½ bilion penduduk dunia yang berumur di antara 1 — 24 tahun. Di Negara Brunei Darussalam bilangan ini ialah 68,102 orang yang mana adalah lebih kurang ⅓ daripada penduduk negara ini.

Golongan muda belia adalah merupakan "kekayaan manusia" yang sangat produktif bagi keluarga dan masyarakat. Mereka akan menjadi dewasa untuk memainkan peranan yang penting dalam membentuk berbagi corak kesihatan bagi generasi yang akan datang dan oleh sebab itu mereka merupakan pelaburan yang berharga bagi masa depan negara kita.

Masa remaja adalah masa peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa dengan membawa bersamanya perkembangan intelek, saikologi dan sosial yang bermacam ragam. Mereka adalah kumpulan yang mudah dipengaruhi dan memerlukan bimbingan dan perhatian yang serius.

Walau bagaimanapun, belia-belia yang berumur antara 15 — 24 tahun telah muncul sebagai lingkungan umur yang paling sihat baik dari segi fizikal mahupun intelek. Mereka menjadi lebih terkemuka, lebih dikenali dan mendapat perhatian yang semakin bertambah daripada masyarakat. Ini terdapat dalam hampir-hampir semua negara di dunia. Adalah bersesuaian bagi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk memberikan tema Hari Kesihatan Sedunia bagi tahun 1985 yang berbunyi "BELIA SIHAT — SUMBER KITA YANG SANGAT BERGUNA" yang mana juga bertepatan dengan Tahun Belia Antarabangsa.

Masalah-masalah kesihatan belia adalah berbeza daripada kumpulan-kumpulan masyarakat lainnya. Golongan muda lebih bersedia untuk melakukan pengembaraan, membuat percubaan dan mempunyai tanggungjawab yang berkurangan. Mereka juga diberikan keistimewaan dengan peluang-peluang yang dibukakan kepada mereka tetapi keadaan di sekeliling hari ini adalah kurang memberikan bantuan dan lebih banyak memberikan galakan. Dengan sebab itu peluang-peluang yang ada mungkin disalahgunakan dalam penghidupan belia yang penuh cabaran dan persaingan.

Negara Brunei Darussalam adalah bernasib baik jika dibandingkan dengan kebanyakan negara lain dan dunia hari ini, di mana masalah-masalah belia mereka adalah sukar diatasi. Ini adalah disebabkan oleh kemantapan ekonomi, serta nilai-nilai ugama dan kebudayaan kita yang menghasilkan kestabilan belia-belia yang berkesan.

Dalam pada itu, meskipun kadar kematian yang disebabkan oleh sesuatu penyakit di negara kita adalah rendah di kalangan belia-belia, kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya dan lain-lain kemalangan dan penyakit disebabkan oleh pengambilan dadah, merokok dan meminum dengan cuai adalah semakin meningkat.

Sehubungan dengan ini, kita mestilah meluangkan masa untuk memikirkan generasi yang lebih muda. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneliti keperluan-keperluan mereka dan memberikan petunjuk serta bimbingan supaya mereka akan menjadi manusia yang mempunyai daya pemikiran semula jadi dan kreatif. Mereka memerlukan kasih sayang, pengertian, simpati dan bantuan dari segi moral dan material. Ini adalah merupakan satu pelaburan yang mesti diambil perhatian yang sewajarnya oleh semua negara di dunia ini.

Dengan pelancaran Sistem Pelajaran Negara Brunei Darussalam yang baharu, belia-belia negara ini adalah diharapkan supaya akan dapat menyalurkan tenaga dan bakat mereka ke arah yang bermanfaat dengan menitikberatkan kepada pendidikan jasmani dan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah.

Kaum belia mestilah diberikan ilmu pengetahuan dalam bidang kesihatan yang mereka akan sama-sama bertanggungjawab dalam memperbaiki jaga dan memperbaiki kesihatan di negara ini. Penjagaan Kesihatan Asas tidak akan berjaya tanpa penglibatan masyarakat terutamanya kaum belia.

Cabaran Sistem Pendidikan kita hari ini bukan sahaja dari segi nilai kualiti pendidikannya tetapi adalah juga dari aspek kualiti proses pembelajaran yang semestinyalah dihubungkan dengan cara-cara penghidupan yang sihat demi menuju ke arah kualiti belia yang lebih baik yang mana juga adalah sangat-sangat digalakkan dan dituntut oleh ugama kita.

Dengan itu adalah wajar untuk kita simpulkan bahawa pendidikan dan kesihatan adalah asas terpenting untuk penghidupan dan perkembangan belia kita. Mereka adalah sumber yang sangat berguna dan berhak untuk menikmati masa depan yang cerah dan sihat dalam menghadapi dunia moden yang penuh cabaran dan untuk menjadi pemimpin negara yang berpotensi dan bertanggungjawab di masa akan datang.

---

## Haji Mohd. Kassim dilantik sebagai Pengarah Perjawatan



AWANG Haji Mohd. Kassim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Awang Haji Md Kassim bin Haji Daud, bekas Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Singapura untuk menjadi Pengarah Perjawatan mulai 1 April 1985.

Awang Haji Md Kassim yang telah bertugas di Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam selama dua tahun lapan bulan di Singapura telah kembali ke tanahair pada 31 Mac yang baru lalu.

Awang Haji Md Kassim telah mula bertugas di Singapura sebagai Pemangku Wakil Kerajaan Brunei pada 6 Ogos 1982. Kemudian selepas itu beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Brunei ke Singapura pada 1 September 1982 dan seterusnya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Singapura mulai 1 Januari 1984.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-272

# Mengambil pekerja-pekerja Islam dari luar negeri untuk kedai-kedai makan minum bukan orang Islam



PERKARA seperti itu selalu berbangkit, jadi hendaklah orang-orang Islam ingat bahawa Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memerintahkan umat Islam :

1. Makan minum benda-benda yang halal jangan makan minum benda-benda yang haram atau syubhah pada halal dan haramnya.

2. Umat Islam disuruh dan diperintahkan menjalankan usaha pada membuat dan mendapatkan apa jua perkara dan benda yang dihajatkan oleh umat Islam dalam sesatu negeri atau tempat, dari itu wajib satu kumpulan atau satu bahagian daripada umat Islam itu membuat dan membekalkan hajat-hajat itu kepada umat Islam.

Hajat hidup umat Islam dalam dunia ini ada bermacam-macam dari semasa ke semasa seperti hajat kepada bahan-bahan makanan, hajat pada rumah kediaman, hajat pada kenderaan, hajat pada kereta sewa, hajat pada membaikki kenderaan, hajat pada kedai makan, kedai kopi, restoran, hajat pada menginap di hotel dan lain-lain lagi dan segala hajat itu hendaklah dibuat oleh umat Islam itu sendiri, bangun seperti membekalkan makanan atau mengimpot atau memperniagakan makanan kepada umat Islam, bertukang rumah, membekalkan bahan-bahan binaan bangunan/rumah, mendirikan kedai-kedai makan, kedai-kedai kopi, restoran, hotel bagi menampung dan menunaikan hajat dan tuntutan hidup umat Islam pada sesuatu tempat dan negeri, maka sebahagian daripada umat Islam hendaklah bangun menyempurnakan hajat-hajat dan tuntutan hidup tersebut, ketika itu terlepaslah tuntutan pada hajat itu dari tanggungjawab sekalian umat Islam dan terlepaslah sekalian umat Islam dari menanggung dan kena dosa, jika kiranya sekalian umat Islam tiada bangun membuat mana-mana hajat dan mana-mana tuntutan hidup umat Islam itu, maka seluruh umat Islam di negeri atau di tempat itu akan berdosa dan derhaka kepada Allah Taala kerana Allah Taala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh umat Islam bangun mengadakan hajat-hajat dan tuntutan-tuntutan hidup umat Islam sebagaimana firman Allah Taala di dalam Surah Al-Maidah ayat 2, tafsirannya: "Hendaklah kamu bertolong-tolongan pada membuat dan mengerjakan perkara-perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang kamu membuat dan mengerjakannya, dan jangan kamu hai orang Islam bertolong-tolongan pada mengerjakan dosa dan pada melanggar larangan Allah."

3. Tiap-tiap hajat dan tuntuan hidup mestilah dibuat kalau tidak semua umat Islam berdosa menurut ayat Al-Quran di atas ini.

4. Allah Taala menyuruh umat Islam pada menyampaikan hajat dan tuntutan umat Islam dan Allah Taala tiada menyuruh orang lain pergi membuat hajat umat Islam itu menurut ayat Al-Quran di atas.

5. Kedai makan, kedai minum dan kopi bukan orang Islam, maka Allah Taala tiada menyuruh orang Islam membantu dan membuat kerja di kedai makan minum bukan Islam itu menurut ayat Al-Quran di atas.

6. Jadi membekalkan orang Islam bekerja di kedai makan minum bukan Islam adalah salah menurut ayat Al-Quran itu.

7. Jadi membekalkan orang Islam bekerja di kedai makan minum bukan Islam adalah sebagai mengalakkan umat Islam supaya makan benda haram atau benda syubhah pada halal dan haramnya, ini bertentangan dengan prinsip Islam dan ajaran Islam.

8. Sudah ada papan tanda diletakkan di kedai-kedai makan minum bukan Islam menunjukkan kedai makan minum itu bukan Islam, bukan untuk makanan umat Islam, sebagaimana diarahkan oleh pihak yang berkenaan. Membekalkan orang-orang Islam bekerja di kedai makan minum bukan Islam itu adalah berlawanan dan bercangah dengan arahan pihak berkenaan itu.

9. Mendedahkan umat Islam kepada makanan dan minuman haram dan syubhah (kesamaran pada halal haramnya), dan mengalakkan orang Islam bekerja membuat perkara supaya umat Islam makan dan minum benda haram dan syubhah adalah salah dan berdosa dan bersyubhah, kerana melanggar perintah Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan derhaka pada arahan dan perintah raja yang memerintah dalam negeri ini kerana sudah ada ingatan (tanda) di kedai bukan Islam: 'Bukan makanan untuk orang Islam.'

10. Mengimpot pekerja-pekerja Islam dan menjadi kuli dan hamba kepada bukan orang Islam adalah sebagai berlawanan dengan perintah raja yang di atas dan berlawanan dengan kemuliaan umat Islam, dan berlawanan dengan perintah Allah dan Rasulullah sebagaimana disebutkan di dalam ayat di atas dan banyak lain-lain ayat dan lain-lain hadis menegah berbuat begitu.

WALLAHUAKLAM.

# J-kuasa perayaan puja usia dibentuk

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Puja Usia Baginda yang Ke-39 telah berlangsung di Dewan Rumah Persinggahan Kerajaan di Ibu Negara pada hari Khamis lepas.

Mesyuarat pada hari itu bersetuju bahawa, Penaung, Sambutan Hari Keputeraan pada tahun ini masih dikekalkan iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Sementara Penasihat ialah Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pengerusi Tertinggi, Awang Mohamad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Timbalan Pengerusi, YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Hussein, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan. Sementara Timbalan Pengerusi II ialah Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin dan Timbalan Pengerusi III ialah Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin DPD Haji Abd. Rahim.

Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Yakub bin Haji Ahmad dilantik selaku Setiausaha Agung dan Timbalan Setiausaha Agung I, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Timbalan Setiausaha Agung II, Awang Haji Zainal Abidin bin Md. Tahir, Timbalan Setiausaha Agung III, Awang Mutalib bin Haji Ideris. Sementara Pembantu terdiri daripada dua orang iaitu Pembantu I, Awang Damit bin Haji Metussin dan Pembantu II, Awang Ibrahim bin Haji Karim.

Bendahari Agung terdiri daripada Haji Hapitz bin P.O.K. Laksamana Haji Abd. Rajak, Timbalan Bendahari Agung I, Awang Lim Beng Siong dan Timbalan Bendahari Agung II, Awang Ang Swee Chuan.

Pemeriksa Kira-kira I, ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Md. Yusof bin Md. Tahir dan Awang Haji Moksin bin Pukol, Pemeriksa Kira-kira II.

Selain daripada melantik Ahli Jawatankuasa Tadbir baru, mesyuarat yang dihadiri oleh lebih 100 orang itu yang terdiri daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara serta pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain juga bertujuan membincangkan jenis-jenis acara sambutan perayaan di samping membentangkan peraturan jawatankuasa perayaan.



PEGAWAI Daerah Brunei — Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin ketika berucap di mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# Rasuah: Rakyat M'sia didenda $3,000.00

SERIA. — Seorang rakyat Malaysia, berasal dari Sarawak didenda sebanyak $3,000.00 setelah mengaku bersalah kerana memberi rasuah, satu kesalahan di bawah Bab 6(b) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981.

Rosely anak Sabut berusia 24 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini bulan lepas, kerana memberi rasuah sebanyak $300.00 kepada seorang anggota polis yang bertugas di Cawangan CID, Balai Polis Panaga.

Wang itu adalah sebagai dorongan kepada pegawai tersebut untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya sebagai pendatang haram dan masuk ke negara ini tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Rosely telah membayar denda tersebut.

# Penerimaan Borang BUR 500

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Buruh telah menetapkan masa bagi penerimaan Borang BUR 500 dan pengesahan kontrak pekerjaan.

Mulai 15 April ini, Jabatan berkenaan akan menerima borang-borang tersebut dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.45 petang hingga 3.30 petang.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10 – 16 April, 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 10.4.1985 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 10.4.1985 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 10.4.1985 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 10.4.1985 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 13.4.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 13.4.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 13.4.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 14.4.1985 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 14.4.1985 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 14.4.1985 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas | 15.4.1985 | Isnin | 9.30–10.30 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 15.4.1985 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 15.4.1985 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Besar Imas, Subok | 16.4.1985 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 16.4.1985 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

# REPUTASI INDONESIA MULA MENURUN

REPUTASI Indonesia selaku juara pengutip pingat emas di Sukan SEA bergoncang di Pesta Sukan Merdeka dengan munculnya jaguh baru tidak rasmi, Filipina.

Memandangkan Pesta Sukan Merdeka mirip kepada Sukan SEA dari segi negara peserta yang menjadikan sukan negara ini selaku 'ujian gelanggang ke Sukan SEA' justeru keupayaan Filipina mengumpulkan 20 butir emas, lapan perak dan lapan gangsa bolehlah diiktiraf kejaguhannya.

Kutipan sebanyak itu juga membawa negara tersebut di tangga teratas dari enam buah negara peserta yang membayangkannya selaku bakal juara baru Sukan SEA nanti.

Di Sukan SEA, Indonesia sememangnya selalu muncul di tempat atas. Tetapi keunggulan mereka sudah mula tergugat di Sukan SEA Singapura oleh Filipina yang dengan bergaya dapat merapatkan jarak kutipan pingat dengan Filipina 49 emas dan Indonesia 64 butir emas di kejohanan 1983 itu.

Sedangkan di Sukan SEA 1981, Manila, Indonesia mengumpulkan 85 emas berbanding dengan Filipina hanya 55 emas.

Tetapi di kejohanan sukan negara yang baru lalu, Filipina pula berjaya mengumpulkan 20 emas dan Indonesia cuma 18 emas dan tiga emas terakhir dikutip dari acara lumba perahu.

Filipina mengukuhkan kedudukan melalui acara olahraga dengan pungutan 14 butir emas berbanding dengan Indonesia tujuh emas.

Kemampuan Filipina menjuarai Pesta Sukan Merdeka adalah sebagai amaran keras kepada negara peserta yang lain bahawa mereka sedang dalam proses menaiki takhta selaku raja Sukan SEA Disember ini.

Takhta tersebut sering diperebutkan juga oleh Thailand dan Indonesia.

Kutipan 14 butir emas melalui olahraga juga adalah satu lagi amaran keras kepada negara peserta Sukan SEA yang meskipun tanpa ratu treknya, Lydia de Vega namun mereka masih dapat beraksi cemerlang.

Apatah lagi persediaan mereka ke Sukan Merdeka ini dikatakan belum begitu mantap tapi buktinya mereka masih mampu menenggelamkan negara lain.

Isidro del Prado, pemenang pingat emas 400 meter menegaskan: "Saya hanya berlatih dalam lima minggu. Tetapi kejayaan saya meraih pingat emas cukup membanggakan dan catatan yang saya buat di kejohanan ini akan saya jadikan ukuran untuk latihan serius ke Sukan SEA nanti."

Manakala kemunculan raja dan ratu trek Malaysia memenangi acara 100 meter bukanlah kejayaan mereka sebenarnya.

Keduanya berlari tanpa pencabar ketat mereka. Rabuan memecut tanpa Purnomo (Indonesia) dan Someth Promna (Thailand). Mumtaz pula tanpa musuh ketatnya, Lydia de Vega dan Wallapa Pinij, pemenang pingat emas Sukan SEA, 1983.

Tanpa keunggulan Malaysia dalam acara olahraga tergugat dengan tewasnya beberapa jaguh mereka. Raja acara 800 meter sejak tiga tahun lalu, Rajkumar ditewaskan, Ramjit Nairu dalam lompat tinggi, Nordin Jadi dalam 400 meter dan acara berpasukan 4 × 100 meter cuma mampu memungut pingat gangsa (lelaki dan wanita).

Filipina dalam acara 100 meter diwakili oleh Elma Moros (emas 400 meter), jaguh lari jarak sederhana pun masih mampu mengutip gangsa.

Negara Brunei Darussalam yang meskipun cuma mampu meraih satu pingat gangsa saja menerusi Yahya Hj. Sirat dalam acara lompat jauh sekurang-kurangnya dapatlah mengulangi kejayaan negara yang pernah dibuat oleh Awang Hj. Yakup bin Muhammad di Sukan SEA 1981, Manila.

Kejayaan negara meraih tujuh perak dan lima gangsa adalah satu pencapaian yang dapat dibanggakan. Dan harapan yang ditumpukan untuk raihan emas dari acara tinju, bola sepak serta lumba perahu cuma mengutip tiga butir perak saja.

Pada keseluruhannya peningkatan taraf sukan negara di arena antarabangsa memang ada. Cuma pendedahan dan latihan yang berterusan serta pengalaman bertanding saja yang belum. Jika ada, insya-Allah kita juga mampu bertanding dan bersaing dengan negara-negara lain.

Sukan pelita
Kelolaan:
Manaf Rahman



ACARA 800 meter perempuan dimenangi oleh peserta Indonesia.

## Kutipan 12 pingat Sukan Merdeka:

# PRESTASI MEMUASKAN

KUTIPAN tujuh pingat perak dan lima gangsa mungkin dianggap melegakan jika ukuran dibuat dari segi persediaan, pengalaman dan kemampuan athlit kebangsaan bertanding di peringkat antarabangsa.

Meskipun begitu pasukan negara hampir meninggalkan Singapura di tangga bawah jika pasukan bola sepak negara berjaya meriah pingat emas di acara terakhir bola sepak.

Kerana kita sudah sedia maklum akan persediaan dan kebolehan Singapura dengan athlit-athlit mereka yang handal.

Dari sebelas acara yang dipertandingkan cuma sepak takraw, tinju, bola sepak dan lumba perahu yang dapat mengibarkan bendera negara meskipun gagal untuk mengalunkan lagu "Allah Peliharakan Sultan' di sukan negara itu.

Namun pada keseluruhannya prestasi athlit kebangsaan cukup memuaskan walaupun kita memerlukan peningkatan dan latihan yang berterusan serta pendedahan yang banyak.

Pesta Sukan Merdeka juga banyak memberikan pengajaran kepada kita betapa perlunya sekarang mutu sukan negara dipertingkatkan kerana kita benar-benar sudah terdedah di arena antarabangsa yang meyakinkan kita bahawa sekarang moto 'bertanding untuk menimba pengalaman' sedikit demi sedikit telah pudar dan kita lebih perlu bermatlamatkan 'untuk menang'.

Meskipun moto baru ini memerlukan masa yang panjang tetapi penekanan ke arah menuju matlamat tersebut patutlah diambil kira kerana tanpa matlamat apa jua program yang dijalankan tidak ada faedahnya.



RAJKUMAR juga tewas dalam acara 800 meter lelaki.

Sebab itulah tanggungjawab badan-badan dan persatuan-persatuan sukan di negara ini perlu meningkatkan usaha dalam membuat kajian setakat mana sudah tahap pencapaian acara-acara sukan yang dipelopori.

Meskipun kita sudah mempunyai jurulatih-jurulatih luar tapi tanpa kerjasama erat sudah barang tentu tidak membawa kesan yang baik.

Sekadar memberikan bimbingan dan latihan memanglah mereka arif tapi untuk 'menangkap' para athlit, pemain yang benar-benar berkelibar memang sukar apa-tah lagi meninjau sejauh mana sudah meningkatnya sukan-sukan di negara ini.

Mereka mempunyai kontrak yang terhad. Dalam tempoh tersebut para athlit perlu mengambil peluang.

Kedatangan jurulatih luar negeri itu juga memberikan satu program latihan baru yang saintifik. Tetapi setakat di Pesta Sukan Merdeka cuma acara olahraga saja yang nampak sedikit kesannya. Latihan seumpama itu jika sudah dapat meningkatkan tahap kecerdasan fizikal dan mental cuma satu saja lagi yang diperlukan — pendedahan.

Kita memerlukan satu jangka panjang untuk mensebatikan corak latihan dengan para pelatih. Dan di sini kita perlu mencontohi yang baik dari program latihan negara Filipina dengan Gintong Alaynya.

Sekarang kita tidak memerlukan lagi "bertanding baru berlatih' atau membuat latihan pusat ketika menghadapi kejohanan-kejohanan tertentu. Apa yang diperlukan sekarang ialah latihan yang berterusan di samping latihan bersendirian.

Kita sekarang perlu bersedia. Kerana kita sudah diiktiraf sebagai salah satu negara anggota di peringkat antarabangsa maka adalah wajar setiap keputusan yang bakal diraih dari kejohanan tersebut tidak mengecewakan sesiapa pun.



EDWARD Hiler memungut pingat perak dalam acara 5,000 meter.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## *TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

### BIL: 94 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13911

PEMBESARAN DAPUR DAN ATAP BAGI SEKOLAH MELAYU AWANG SEMAUN, SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 96 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/001

PENYAMBUNGAN SALURAN-SALURAN NAJIS AWAM UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN, BANDAR SERI BEGAWAN — SEKOLAH ARAB LELAKI DAN PERUMAHAN GURU-GURU UGAMA JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 April, 1985.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 97 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JUB008

CADANGAN JAMBATAN KONKRIT TETULANG BAGI MASJID OMARALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 98 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/17400

MEMBEKAL ALAT-ALAT KOMPUTER BAGI SISTEM BILL AIR PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 99 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AW/02400

PEMBINAAN PARIT UTAMA DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN WASAN PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

### BIL: 100 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00953

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU SENGKARAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 April, 1985.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 101 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14103

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU DAN 2 BUAH TEMPAT TINGGAL SEBANDUNG GURU-GURU DI BATU MARANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 102 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL109 & 85AB/PEL108

MEMBUAT ATAP BAGI SEKOLAH MUDA HASHIM DAN SEKOLAH MELAYU TUMPUAN TELISAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: 103 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/10507

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU AMO, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 104 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL029

PEMBINAAN TANDAS UNTUK RUMAH-RUMAH GURU DI SEKOLAH MELAYU KENUA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 105 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14113

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH MELAYU HAJI MOHD SALLEH DI KAMPONG SUNGAI HANCHING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 106 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL060, 85AB/PEL061, 85AB/PEL063 & 85AB/PEL064

PEMBINAAN PAGAR BAGI SEKOLAH MELAYU KENUA, SEKOLAH MELAYU/SEKOLAH PERSEDIAAN INGGERIS BOKOK DAN SEKOLAH MELAYU/SEKOLAH PERSEDIAAN INGGERIS PUNI, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 107 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD406/0801

CADANGAN SEKOLAH MENENGAH KIUDANG DI JALAN ABANG, MUKIM KIUDANG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 6 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 108 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD423/0401

SUBKONTRAK YANG DICALONKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK UNTUK PEMULIHAN KEROSAKAN KEBAKARAN KEPADA MESS PEGAWAI PERKHEMAHAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 109 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD424/1601

GELANGGANG SQUASH BARU DI PERKHEMAHAN BOLKIAH, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 6 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 110 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/09900

MENGHANTAR BAHAN-BAHAN DALAM KAWASAN DAERAH-DAERAH BANDAR SERI BEGAWAN/MUARA DAN TUTONG (1985-1986) UNTUK SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: 111 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/15100

CADANGAN TAPAK JALAN KAKI UNTUK JAMBATAN SUNGAI TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 peatng hari Khamis 25 April, 1985.

Tarikh tutup: 29 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 112 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/001

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 300 MM. GARIS PUSAT PAIP BESI MULOR SPUN SEPANJANG JALAN GADONG DARI BATU 2¼ JALAN GADONG KE SIMPANG JALAN MATA-MATA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 113 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JTB002

PEMBAHARUAN PEJABAT AWAM BAGI PANGGILAN SEBERANG LAUT DI PEJABAT BESAR POS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 114 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/00717

PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN CISTERMISER AUTO-FLASH VALVE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

# BRUNEI KUTUK SERANGAN VIETNAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam mengutuk tindakan serangan Vietnam ke atas Wilayah Thailand dan menggesa negara itu supaya menghentikan pencerobohannya terhadap Wilayah tersebut.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam juga menggesa Vietnam supaya menyambut seruan Menteri-Menteri Luar ASEAN baru-baru ini untuk mencari penyelesaian politik kepada masalah Kampuchea.

Kenyataan itu menambah bahawa Vietnam sekali lagi telah tidak menghiraukan keutuhan dan kedaulatan sebuah negara berdaulat yang lain.

Pencerobohannya baru-baru ini terhadap Wilayah Thailand mengengkari segala aspek-aspek perlakuan dan kelakuan antarabangsa lantaran menimbulkan syak wasangka yang serius terhadap ketidak ikhlasan Vietnam di rantau ini.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam mensifatkan bahawa tindakan serangan-serangan Vietnam yang terbaru itu adalah bertentangan kepada pengakuannya untuk mencari penyelesaian damai kepada masalah Kampuchea.

Sebaliknya, tambah kenyataan itu lagi, ianya telah meningkatkan ketegangan di rantau ini dan menjauhkan prospek dialog yang bermakna dan kedamaian di rantau ini.

# Jangan amalkan pilih kasih

Oleh Aisah Piee

KUALA BELAIT. — Sikap pilih kasih serta perasaan ragu dan takut dalam menjalankan undang-undang yang dikuatkuasakan hanya akan membawa kepada perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan peraturan.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkata dari sikap sedemikian itu telah melahirkan apa yang dilihat sekarang perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang yang berkuatkuasa seperti pembinaan rumah-rumah haram dan peniaga-peniaga yang tidak berlesen.

Dalam perjumpaan dengan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Kuala Belait pagi Sabtu lepas, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali seterusnya mengingatkan mereka supaya tidak merasa ragu-ragu dan takut menjalankan undang-undang yang telah diberi kuasa kepada mereka.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali setengah orang merasa ragu dan takut menjalankan undang-undang kerana takut tidak digemari dan kerana sikap pilih kasih dan kepentingan sendiri.

Perjumpaan yang diadakan di Bilik Persidangan Pejabat Daerah di sini adalah rancangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri tahun ini bagi mempelajari cara-cara melaksanakan tugas dan berunding pada perkara-perkara yang mendatangkan manfaat bukan saja bagi diri sendiri bahkan pada raja, negara dan isi di dalamnya.

Majlis tersebut juga telah mengadakan perbincangan antara Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran. Ianya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin.

Perjumpaan hari itu kemudiannya diakhiri dengan lawatan ke beberapa bangunan kerajaan, iaitu bangunan pejabat-pejabat kerajaan yang baru, Bus Terminal dan bangunan kedai bumiputera. Bus Terminal dan bangunan kedai bumiputera telah digunakan tidak berapa lama dulu, manakala Pejabat Kerajaan yang baru akan mula digunakan mulai Jun depan.

# Lawatan PM British

Dari muka 1

Ketibaan YAB Perdana Menteri British itu di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah disambut oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar bin Dato Haji Nordin. Sebagai kenangan lawatan, YAB Puan Thatcher menanam sepohon pokok nipah (palm) di pekarangan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Semasa lawatan ke rumah sakit itu, YAB Puan Thatcher dibawa melawat ke Unit Rawatan Intensif, Unit Rawatan Khas Anak-Anak Damit dan Makmal Negara.

YAB Perdana Menteri British beserta rombongan kemudiannya beredar bagi meninjau Tamu di Bandar Seri Begawan dan berada di sana kira-kira 10 minit.

Dari sana YAB Puan Margaret Thatcher beredar pula ke Tambatan Kastam Diraja. Ketibaannya disambut oleh Awang Haji Ahmad bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Laut.

YAB Puan Margaret Thatcher serta rombongan telah menaiki sebuah kapal Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, KDB Penyerang untuk menuju ke Istana Nurul Iman bagi Istiadat Mengadap.

Sepanjang perjalanan di Sungai Brunei, YAB Puan Margaret Thatcher telah berkesempatan melihat sendiri akan keindahan semula jadi Kampong Ayer.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien mengalu-alukan ketibaan YAB Puan Margaret Thatcher di pintu besar Istana Nurul Iman.

Selepas mengadakan rundingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher beredar ke Bilik Pengadapan dan seterusnya memperkenalkan Perdana Menteri British itu kepada ahli-ahli kerabat Diraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan YAB Puan Margaret Thatcher beserta Kerabat-kerabat Diraja beredar ke Dewan Persantapan untuk santapan tengah hari.

Sebelum berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam, YAB Puan Margaret Thatcher telah bersalam-salaman dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Kebawah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifudden Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

YAB Puan Margaret Thatcher sekali lagi menerima tabik dan memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dengan diiringi oleh YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, YAB Perdana Menteri British telah bertolak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas dengan menaiki pesawat helikopter.

Menurut sumber rasmi dari Suruhanjaya Tinggi British di Brunei lawatan rasmi YAB Puan Margaret Thatcher ke negara ini adalah dalam rangka lawatan ke negara-negara Asia.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka, Tuan Nadarajah Balasubramaniam menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (atas). Gambar bawah kelihatan Tuan Yang Terutama itu ketika mengadakan kunjungan hormat kepada D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Hijau Baiduri. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar dan Harun Rashid.



# Pesuruhjaya Sri Lanka sembah Surat Tauliah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Tuan Nadarajah Balasubramaniam pada petang Selasa lepas di Istana Nurul Iman.

Setelah itu, Tuan Yang Terutama kemudiannya diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu ketibaan Tuan Yang Terutama telah disambut dengan perbarisan hormat 30 orang anggota Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah 2nd Leftenan Ramli bin Abd Hadis.

Tuan Yang Terutama yang berusia 55 tahun dan lulusan Universiti Ceylon dalam bidang Undang-Undang pernah antara lain berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Asia), Kementerian Pertahanan dan Hal-Ehwal Negeri, dan Penolong Setiausaha (Bahagian Publisiti) Kementerian Pertahanan dan Hal-Ehwal Luar Negeri.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka yang beribu pejabat di Singapura itu juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Hijau Baiduri pada hari Rabu lepas.

# ASEAN seru Vietnam undur dari Kampuchea

Dari muka 3

Negara Brunei Darussalam berharap kedua buah negara akan menyambut baik usaha-usaha dari masyarakat antarabangsa bagi menghentikan sengketa tersebut dengan langkah-langkah yang diambil oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berhubung dengan soal dadah sabda Duli Yang Teramat Mulia, Negara Brunei Darussalam memberi sokongan sepenuhnya atas usaha-usaha Kerajaan Malaysia bagi memberantasi penagihan dan pengedaran dadah.

Sebagaimana juga Malaysia Negara Brunei Darussalam juga berpendapat bahawa dadah adalah musuh yang wajib dihapuskan sebelum ianya bertindak merosakkan negara.

"Langkah-langkah tertentu ke arah ini telah pun diambil oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan kita di Negara Brunei Darussalam menyambut baik Persidangan Serantau yang diadakan sekarang di Kuala Lumpur bagi meninjau usaha-usaha untuk memberantasi masalah dadah," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Mengenai Pertubuhan ASEAN, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, dalam memupuk persefahaman di rantau ini, ia telah dapat mewujudkan suasana aman di kalangan negara-negara anggota yang terbukti dengan adanya peningkatan yang erat di kalangan ahli-ahlinya bukan saja dalam bidang ekonomi malah dalam bidang politik. Terutama dalam soal Kampuchea dalam mana Negara-Negara ASEAN telah sama-sama menyeru agar Vietnam berundur dari Kampuchea supaya rakyat Kampuchea dapat bersatu bagi mencapai perdamaian bagi rakyat Kampuchea sendiri menentukan masa depan mereka."

Mengenai lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia itu, Duli Yang Teramat Mulia berpendapat ia telah memberi kesempatan bagi kedua buah negara yang bersahabat untuk memupuk lagi persefahaman bukan sahaja dalam isu-isu antarabangsa dan serantau malah juga isu-isu dua hala.

"Peramba merasa bersyukur bahawa dalam perhubungan dua hala, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam telah sama-sama meluaskan kerjasama dalam berbagai bidang. Peramba percaya dengan adanya kerjasama yang erat ini akan membawa kepada persefahaman yang lebih tinggi di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Dari muka 1

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dayang Taibah juga telah menerima tiket penerbangan pergi balik bagi menunaikan fardu haji ke Mekah yang didermakan oleh seorang hamba Allah dan sebuah piala iringan.

Naib johan pula telah dimenangi oleh Dayang Hajjah Maimunah bte Haji Metassim dengan markah 79 peratus. Beliau mewakili Cawangan Brunei.

Sementara pemenang ketiga jatuh kepada Dayang Hamidah bte Haji Abd Latif juga mewakili Cawangan Brunei dengan mendapat 70 peratus.

Syarahan khas yang bertajuk 'Kaum Wanita Islam Dengan Ibadah Sembahyang' yang disampaikan oleh Datin Hajjah Maznah bte Haji Mohammad.

Hadir sama di majlis itu termasuklah Datin Masni bte Haji Ali, Penasihat Persatuan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei, Pengiran-Pengiran, Datin-Datin, para isteri diplomat dan jemputan-jemputan khas.

Di akhir majlis doa selamat dibacakan oleh Dayang Aisah bte OKML Haji Mohd Yusof. — ZHS.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.